KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

15 FEBRUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
15 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☒
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

1,000 peniaga sertai pelan digital

Ke arah persediaan tingkatkan produktiviti dan kecekapan secara dalam talian

PUTRAJAYA



Ramlan (depan tengah) bergambar bersama para usahawan yang menyertai Program Pendigitalan Usahawan Desa 2023 di Putrajaya pada Selasa.

Program Pendigitalan Usahawan Desa di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyasarkan seramai 1,000 usahawan menyertainya pada tahun ini bagi mendigitalkan perniagaan mereka.

Ketua Setiausaha KKDW, Datuk Seri Ramlan Harun berkata, sebanyak RM1.7 juta diperuntukkan untuk memberi pendedahan kepada usahawan secara langsung dan praktikal di bawah enam modul dengan kerjasama rakan-rakan strategik kementerian.

Sinar Harian SOKONG BISNES ANDA

Beliau berkata, modul latihan program itu merangkumi pendigitalan kewangan; *Point-Of-Sale* atau gudang digital, pengurusan gerbang bayaran, akses Internet yang optimum, aplikasi perkhidmatan *on demand* dan platform e-dagang.

Beliau berkata, program berkenaan bertujuan membantu usahawan desa meningkatkan produktiviti, kecekapan serta sebagai persediaan menjalankan perniagaan secara dalam talian selaras perkembangan teknologi terkini dan situasi ekonomi semasa.

"Program ini berbentuk kesedaran dan latihan serta terbuka kepada usahawan yang berdaftar dengan agensi-agensi di bawah kementerian," katanya selepas merasmikan Program Pendigitalan Usahawan Desa, di sini pada Selasa.

Ramlan berkata, pihak kementerian akan mengadakan enam siri jelajah bagi program itu sehingga hujung tahun ini meliputi Sarawak pada Mei, Sabah (Jun), Terengganu (Julai), Johor (Ogos), Pulau Pinang (September) dan Perak (Oktober).

"Saya amat berharap program ini dapat kita laksanakan dengan berjaya dan memastikan usahawan dapat bersaing secara sihat di platforom e-dagang dan seterusnya menjana pendapatan serta dapat menyumbang dalam membina semula ekonomi negara," katanya.

Menurut Ramlan, tiga siri program berkenaan telah dilaksanakan di Putrajaya, Pulau Pinang dan Sabah pada tahun lepas dan berjaya menarik penyertaan seramai 706 usahawan.

"Berdasarkan maklum balas, Alhamdulillah, nampaknya berjaya kerana kebanyakannya menyatakan telah berupaya menambah baik operasi perniagaan dan meningkatkan produktiviti," katanya. - *Bernama*

TARIKH:
15 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



USAHA DIGITAL: Ramlan (depan tengah) bergambar bersama para usahawan yang menyertai Program Pendigitalan Usahawan Desa 2023 di Putrajaya, semalam. Turut sama Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti KKDW, Mohd Sabri Ramly (depan kiri) dan Pengarah Urusan Syarikat eLokal dan Pentadbir Desamall, Ahmad Shah Wahid (depan kanan). — Gambar Bernama

KKDW sasar 1,000 usahawan sertai program pendigitalan usahawan desa

PUTRAJAYA: Program Pendigitalan Usahawan Desa di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyasarkan seramai 1,000 usahawan menyertainya pada tahun ini bagi mendigitalkan perniagaan mereka.

Ketua Setiausaha KKDW Datuk Seri Ramlan Harun berkata sebanyak RM1.7 juta diperuntukkan untuk memberi pendedahan kepada usahawan secara langsung dan praktikal di bawah enam modul dengan kerjasama rakan-rakan strategik kementerian.

Beliau berkata modul latihan program itu merangkumi pendigitalan kewangan; Point-Of-Sale atau gudang digital; pengurusan gerbang bayaran; akses Internet yang optimum; aplikasi perkhidmatan on demand dan platform e-dagang.

Beliau berkata program berkenaan bertujuan membantu usahawan desa meningkatkan produktiviti, kecekapan serta sebagai persediaan menjalankan perniagaan secara dalam talian selaras perkembangan teknologi terkini dan situasi ekonomi semasa.

"Program ini berbentuk kesedaran dan latihan serta terbuka kepada usahawan yang berdaftar dengan agensi-agensi di bawah kementerian," katanya kepada media selepas merasmikan Program Pendigitalan Usahawan Desa, di sini semalam.

Ramlan berkata pihak kementerian akan mengadakan enam siri jelajah bagi program itu sehingga hujung tahun ini meliputi Sarawak pada Mei; Sabah (Jun); Terengganu (Julai); Johor (Ogos); Pulau Pinang (September) dan Perak (Oktober).

"Usahawan di bawah ekosistem KKDW ada lebih 60,000 orang dan kita berharap melalui cara turun ke mereka kita dapat melibatkan sebahagian besar usahawan-usahawan di bawah ekosistem kita (dalam program ini).

"Saya amat berharap program ini dapat kita laksanakan dengan berjaya dan memastikan usahawan dapat bersaing secara sihat di platform e-dagang dan seterusnya menjana pendapatan serta dapat menyumbang dalam membina semula ekonomi negara," katanya.

Menurut Ramlan, tiga siri program berkenaan telah dilaksanakan di Putrajaya, Pulau Pinang dan Sabah pada tahun lepas dan berjaya menarik penyertaan seramai 706 usahawan.

"Berdasarkan maklum balas usahawan-usahawan yang telah menghadiri program ini, Alhamdulillah, nampaknya berjaya kerana kebanyakannya menyatakan bahawa mereka telah berupaya menambah baik operasi perniagaan, sedikit sebanyak dapat mengembangkan perniagaan dan meningkatkan produktiviti serta kecekapan pengurusan perniagaan," katanya. — Bernama